

Keputusan kes pedofilia diketahui Isnin

LONDON 3 Jun - Keputusan perbicaraan membabitkan warga Britain Richard Huckle, yang dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan melakukan penderaan seksual ke atas kanak-kanak misal di Malaysia semasa menetap di Kuala Lumpur, akan diketahui Isnin ini, kata hakim, hari ini. Keputusan hukuman bagi kes pedofilia pada...

sepucuk surat penyelesaian yang dihantar oleh Huckle.

Hakim Peter Rook berkata, beliau akan membuat keputusan berhubung kes itu di mahkamah tengah jemaah Old Bailey di London pada pukul 10...



Huckle menyasarkan kanak-kanak semasa bertugas sebagai pekerja sukarela dengan komuniti Kristian di Kuala Lumpur.

Komputer peribadi dan kamera miliknya mengandungi lebih 20,000 imej penderaan...

peguam Huckle, Ford memohon hukuman Huckle diringankan kanak guamnya tersalah.

Di dalam surat perditulis Huckle pada dan dibacakan oleh Sapsford, P...

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

UM - 576/16 CM/S 15).

Kes pedofilia: Peguam Negara hubungi rakan sejawat di UK

■ KUALA LUMPUR, 4 JUN

PEGUAM Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali akan menghubungi rakan sejawatnya di United Kingdom bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kes pedofilia Britain Richard Huckle.

Beliau berkata, perkara itu bagi membolehkan siasatan lanjut mengenai kes tersebut dijalankan di negara ini.

"Masalahnya, tidak ada laporan polis dilakukan (di Malaysia) mengenai kes itu. Sebab itu, perkara ini senyap sehinggalah orang itu (Huckle) ditangkap di England baru-baru ini.

"Apa yang sebenarnya berlaku di Malaysia, kita tidak tahu... kita kena siasat," katanya kepada pemberita di sini, hari ini ketika diminta mengulas mengenai kes berkenaan.

Mohamed Apandi enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu namun berkata, beliau akan mendapatkan maklumat berkaitan daripada Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom di Malaysia.

Media Britain melaporkan bahawa Huckle, 30, seorang ju-



Huckle, dilaporkan mengajar kanak-kanak di sebuah gereja di sini dan turut menghadiri khutbah di gereja tersebut selama enam tahun ketika menjelajah negara Asia Tenggara.

rugambar bebas, melawat Malaysia untuk program penempatan mengajar semasa dia berusia 18 atau 19 tahun sebelum dia melatih kanak-kanak untuk seks ketika melakukan kerja sukarela di Kuala Lumpur.

Huckle, dilaporkan mengajar kanak-kanak di sebuah gereja di sini dan turut menghadiri khutbah di gereja tersebut selama enam tahun ketika menjelajah negara Asia Tenggara.

BBC melaporkan prosiding untuk menjatuhkan hukuman ter-

hadap Huckle bermula di London pada Rabu dan selesai Jumaat.

Sebanyak 91 pertuduhan dikenakan terhadapnya mengaitkan kepada 23 kanak-kanak kebanyakannya daripada golongan miskin di Kuala Lumpur, dan dia mengaku bersalah terhadap 71 tuduhan.

Terdahulu, Mohamed Apandi dianugerahkan darjah kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan 2016 bersempena Hari Keputeraan rasmi Seri Paduka di Istana Negara.

Beliau mengetuai senarai 39 penerima darjah kebesaran Persekutuan yang dikurniakan Tuanku Abdul Halim hari ini.

Mohamed Apandi, 66, berkata, anugerah PMN itu merupakan penghormatan buat dirinya dan Jabatan Peguam Negara.

"Anugerah ini akan memberi semangat yang baru. Saya yakin dan percaya, dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi," katanya. - BERNAMA